


**TEAM MALAYSIA™**

## Pasukan Sorak Rasmi Atlet Negara Sukan SEA dan Sukan PARA ASEAN

Sertai komuniti Team Malaysia™  
[www.teammalaysia.my](http://www.teammalaysia.my)

#KamiTeamMalaysia #BangkitBersama  
 #SemangatNegaraku #Negaraku

PENAJA PLATINUM


 KUALA LUMPUR 2017


 TM


 NEGARAKU


 TM

Ajitpal Singh  
[ajitpalsingh@nst.com.my](mailto:ajitpalsingh@nst.com.my)

# PERTARUH ATLET BERTARAF DUNIA

**Kuala Lumpur**

■ Zhuliang optimis anak buahnya mampu sapu bersih 13 emas acara terjun

**S**kuad terjun negara semakin bersemangat untuk melakar sejarah apabila saingan acara terjun bermula di Pusat Akuatik Nasional di Bukit Jalil hari ini.

Ini adalah kali pertama dalam sejarah apabila Sukan SEA menawarkan 13 emas dalam acara terjun dan jurulatih kebangsaan Yang Zhuliang percaya ia mampu disapu bersih skuadnya yang bertaraf dunia.

Sewaktu Zhuliang mempertaruhkan penerjun bertaraf dunia, impiannya untuk menyapu bersih kutipan pingat bergantung kepada prestasi pendarat baru Jellson Jabillin, Hanis Nazirul Jayasurya, Gabriel Gilbert Daim dan Kimberly



**ZHULIANG yakin anak buah mampu galas cabaran saingan acara terjun yang bermula hari ini.**

Bong - dalam pertandingan selama lima hari itu.

Tiga penerjun berkenaan berusia 16 tahun, manakala

Kimberly, penerjun kelahiran Sarawak berusia 15 tahun.

Gabriel akan terlebih da-

hulu mempertaruhkan aksinya apabila bergandingan dengan pemenang dua pingat Olimpik Pandeleda Rinong untuk acara berpasukan (3m papan anjal dan 10m platform) hari ini.

Pada edisi Singapura 2015, Malaysia menyapu bersih semua lapan pingat yang ditawarkan.

“Sukan SEA adalah medan ujian bagi penerjun remaja. Mereka bersama saya di Guangzhou untuk sesi latihan baru-baru ini dan menunjukkan potensi,” kata Zhuliang.

“Keempat-empat mereka bermula dari kosong dan rutin yang dipelajari mereka cukup untuk peringkat Sukan SEA.

“Mereka adalah masa depan kita. Aksi hebat akan memberi keyakinan dan motivasi untuk pergi ke pe-



Mereka bersama saya di Guangzhou untuk sesi latihan baru-baru ini dan menunjukkan potensi”

Yang Zhuliang

ringkat seterusnya. Penerjun senior dalam pasukan juga bermula dari Sukan SEA sebelum menjadi penerjun bertaraf dunia.

Juara dunia 10m platform wanita Cheong Jun Hoong hanya akan menyertai satu acara iaitu 1m papan anjal individu.

Jun Hoong juga tidak menyertai acara lain kerana masih menjalani pemulihan daripada kecederaan belakang. Zhuliang tidak mahu kecederaannya menjadi se-



makin serius.

“Sukan Olimpik 2020 Tokyo masih menjadi keutamaan penerjun kami dan kami mahu berada di tahap terbaik ketika itu,” kata Zhuliang.